

Hebah faktor positif secara berterusan, berstrategi



Md Riyadh Dahalan

Ketua Khidmat Pelabur, InvestKL

N atijah peristiwa yang berlaku pada 2016 pada akhirnya menjurus kepada cabaran yang lebih getir untuk tahun ini.

Setiap andaian yang dibuat penganalisis dunia mengenai apa yang tidak mungkin berlaku sudah terbukti meleset. Ramalan berdasarkan jangkaan umum kebanyakannya dangkal.

Daripada keputusan rakyat Britain untuk keluar dari Kesatuan Eropah atau Brexit kepada pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat (AS) Ke-45, dunia kini tidak lagi memandang enteng terhadap apa jua kebarangkalian terpencil yang mungkin berlaku.

Hasilnya ini membawa kepada ketidaktentuan pasaran dan cuaca ekonomi dunia.

Tempias badai kegentingan situasi ekonomi dan pasaran dunia ini sudah pun melanda Malaysia. Hasil kemerosotan pasaran komoditi dunia (terutama pasaran minyak mentah) memberi kesan langsung kepada hasil pendapa-

tan kerajaan.

Walaupun pergantungan kepada pendapatan daripada hasil minyak berkurangan secara signifikansi sejak lima hingga tujuh tahun kebelakangan ini, persepsi yang sebaliknya oleh pelabur luar terhadap ekonomi Malaysia mendorong kepada kemelesetan keyakinan yang melanda kini.

Ini ditambah lagi dengan polemik 1MDB yang masih tidak pudar dan pengukuhan nilai dolar AS yang mengakibatkan mata wang utama lain dunia (termasuk Ringgit Malaysia) menyusut secara ketara.

Kental hadapi politik dan ekonomi tak menentu

Bagi InvestKL, 2016 pastinya adalah fasa paling sukar sejak ia ditubuhkan lima tahun lalu. Sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membawa masuk syarikat multinasional besar dunia ke Kuala Lumpur, sebarang pergolakan ekonomi atau politik dalaman mahupun luaran akan memberi kesan kepada usaha kami.

Bagi pembuat keputusan syarikat multinasional ini, setiap berita negatif yang disiarkan mengenai Malaysia akan menimbulkan kegusaran kepada mereka untuk membuat apa jua komitmen pelaburan di Malaysia.

Kemuncak pelaburan pada hari ini mengkehendaki syarikat multinasional untuk cuba mengelakkan apa jua risiko yang mungkin menjejaskan operasi dan pelaburan mereka dan sememangnya ketidaktentuan politik serta ekonomi adalah faktor risiko yang paling besar buat mereka.

Namun apa yang menjadi kekhawatiran pelabur jangka pendek tidak semestinya sama dengan pelabur jangka panjang. Bagi pelabur jangka panjang, mereka tidak pernah bergantung kepada khabar angin untuk membuat keputusan pelaburan.

Apa yang pasti, asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan ekosistem pelaburan (seperti sumber modal insan dan kestabilan politik) masih lagi menjadi faktor pendorong multinasional dunia

untuk masih melabur di sini.

Apa yang penting bagi agensi penarik pelaburan di Malaysia seperti InvestKL ialah untuk terus menghebahkan faktor positif mengenai Malaysia dan ia hendaklah dilakukan secara berterusan dan berstrategi bagi mendapatkan impak yang paling berkesan.

Dasar mesra pelabur

Setiap negara ada risikonya yang tersendiri. Kelebihan GreaterKL dan Malaysia buat masa kini ialah risiko pelaburan buat pelabur jangka panjang masih lagi rendah dan terkawal jika dibandingkan dengan negara lain di rantau ini.

Namun, kita tidak harus leka. Setiap dasar dan keputusan kerajaan yang memberi kesan kepada kos menjalankan perniagaan dan ekosistem penyampaian hendaklah dikaji dari segala sudut.

Bagi menjamin persekitaran pelaburan yang kondusif, setiap polisi kerajaan untuk masa akan datang hendaklah mesra pelabur, jelas dan kekal untuk jangka lama.